

1 Mei 2009 (Jumaat)

Industri koko masih berpotensi besar

KUALA LUMPUR 1 Mei - Industri penanaman koko masih mempunyai potensi yang besar di negara dan mampu menawarkan pulangan lumayan kepada para pengusahanya. Pada masa ini, jumlah kawasan tanaman koko sudah berkurangan kerana banyak syarikat gergasi perladangan beralih kepada tanaman kelapa sawit apabila harga koko merosot pada tahun 90an. Pada tahun lalu, keluasan kawasan yang ditanam tanaman koko hanya 20,000 hektar berbanding 420,000 hektar pada satu ketika dahulu, kata Ketua Pengarah Lembaga Koko Malaysia (LKM), Datuk Dr. Azhar Ismail di sini hari ini.

Sambil menyatakan tanaman koko kini lebih banyak diusahakan para pekebun kecil, beliau menambah, Malaysia mempunyai kelebihan daripada segi teknologi termasuk pengklonan dan mampu mengeluarkan hasil berkualiti tinggi berbanding negara lain. Azhar menambah, harga koko juga telah meningkat tinggi mencapai RM8,000 setan. Beliau menjelaskan, negara kini terpaksa mengimport biji koko dari luar untuk diproses di negara ini sekali gus merugikan daripada segi tukaran asing kerana jumlah kawasan tanamannya kecil.

Azhar berkata, LKM akan menganjurkan Pameran Koko Antarabangsa Malaysia 2009 (MICF) di sini minggu depan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang perkembangan industri koko di Malaysia. MICF yang dianjurkan empat tahun sekali, diadakan secara tiga dalam satu iaitu eksposisi, persidangan dan majlis makan malam, kesemua diadakan Pusat Membeli Belah Berjaya Times. Eksposisi yang akan diadakan selama lima hari mulai 8 hingga 12 Mei dan disertai oleh syarikat dalam negara dan asing terutamanya para pengilang coklat dan makanan berasaskan koko, menawarkan pelbagai acara termasuk pameran untuk mempromosikan produk-produk dan juga industri koko tempatan.

MICF 2009 dijangka dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Muhyidin Yasin yang juga akan melancarkan empat klon koko. Ketika berlangsungnya MICF, satu persidangan antarabangsa juga akan diadakan selama dua hari mulai 11 dan 12 Mei yang akan memperkatakan tentang meningkatkan produktiviti, kecekapan dan kualiti ke arah industri koko yang dinamik. "Sebanyak 67 kertas kerja akan dibentangkan pada persidangan itu dan pembentangan akan dibuat oleh para pakar dari dalam dan luar negara seperti Perancis, Jerman dan Amerika Syarikat," tambah Azhar.

1 Mei 2009 (Jumaat)

Perkeso tidak lantik ejen urus tuntutan

KOTA KINABALU 1 Mei - Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Sabah menegaskan bahawa pertubuhan itu tidak pernah melantik 'orang tengah' atau ejen bagi mengurus tuntutan pencarum. Pengarah Perkeso Sabah, Jeeva Narayanasamy berkata, semua tuntutan perlu dilakukan oleh pencarum di kaunter Perkeso di seluruh negeri ini. Sehubungan itu, beliau menasihatkan orang ramai supaya tidak mudah terpedaya dengan orang tengah yang mendakwa dilantik sebagai ejen oleh Perkeso. "Saya nasihatkan pencarum supaya berurusan di kaunter kerana ia adalah percuma. Proses tuntutan juga telah dipermudahkan dan dipercepatkan," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Jeeva berkata, sehingga kini, Perkeso Sabah telah menerima dua aduan mengenai kegiatan pihak yang tidak bertanggungjawab mengaku sebagai ejen Perkeso. Katanya, kes pertama berlaku di Kampung Kibunut, Penampang bulan lalu dan kes terbaru dilaporkan minggu lalu membabitkan seorang balu. "Orang tengah ini, seorang wanita, telah meminta wang sebanyak RM1,000 untuk menguruskan tuntutan wang caruman suaminya. Mangsa telah menyerahkan pendahuluan sebanyak RM500 tetapi selepas beberapa hari wanita yang mengaku menjadi ejen itu sudah tidak dapat dihubungi," katanya.

Jeeva berkata, pihaknya tidak menolak wujud sindiket terancang di sebalik kegiatan penipuan itu. Beliau menambah, kedua-dua kes berkenaan merupakan yang pertama diterima Perkeso Sabah. Katanya, penipuan seperti itu pernah berlaku di Semenanjung tetapi sudah berjaya dikawal dengan penahanan suspek yang kini dalam proses pendakwaan. "Kita masih menyiasat dan mengesan suspek. Setakat ini kita telah mencapai kemajuan dalam usaha mengesan suspek itu," katanya.

1 Mei 2009 (Jumaat)

Laporan Khas - Bekas polistirena punca barah?



SEBAHAGIAN daripada bekas polistirena yang digunakan untuk membungkus makanan dan sebagai pinggan makanan

ISU pencemaran alam sekitar seharusnya tidak boleh dipandang remeh oleh generasi pada hari ini kerana bumi yang didiami kita pada hari ini semakin tenat dengan longgokan sisa-sisa

domestik, sampah sarap dan pelepasan gas hijau ke udara. Bahan-bahan buangan yang sukat dilupuskan secara semulajadi seperti polistirena sepatutnya dikurangkan penggunaan atau tidak digunakan langsung. Selain ia mengambil masa kira-kira 500 tahun untuk lupus, bahan itu juga dikatakan turut menjadi agen kanser.

Wartawan Utusan Malaysia, MUHAMMAD DAYNE AZMIN cuba mengupas isu ini dari pelbagai perspektif dari aspek alam sekitar dan kesihatan di samping cuba mencari alternatif menggantikan penggunaan bekas makanan polistirena ini.

KUALA LUMPUR 1 Mei – Penggunaan bekas polistirena perlu diharamkan kerana bahan stirena yang terdapat di dalamnya boleh menyebabkan barah pada organ dalaman manusia terutama sistem pencernaan, sel darah dan hati. Selain itu bekas berwarna putih yang sering digunakan untuk mengisi makanan itu juga memberikan kesan buruk kepada alam sekitar kerana ia tidak boleh diuraikan secara semula jadi. Ketua Pusat Penyelidik Alam Sekitar Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof. Ku Halim Ku Hamid berkata, biarpun belum ada kajian mendalam mengenai tahap bahaya bahan itu namun stirena yang berasal dari phemynl memang boleh memberi masalah kepada sistem kesihatan. “Organ-organ dalam badan manusia akan menerima kesan secara tidak langsung terutamanya kepada sistem pencernaan dan turut boleh melibatkan darah serta hati. “Walaupun tiada kajian, namun kewujudan stirena ini tetap ada dalam bekas makanan malah bertambah bahaya jika sumber makanan atau minuman yang digunakan berasid,” katanya kepada Utusan Malaysia.

Oleh itu, beliau mengharapkan penggunaan bekas polistirena ini diharamkan seperti yang dilakukan oleh kebanyakan negara-negara maju. “Bukan sekadar kepada kesihatan malah turut memberi kesan buruk kepada alam sekitar kerana ia mengambil masa selama beratus-ratus tahun untuk terurai. Penggunaan bekas polistirena cukup popular di negara ini kerana ia kelihatan bersih dan ringan serta mudah digunakan. Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) turut mendedahkan bahawa bekas polistirena memberikan ancaman kepada kesihatan dan alam sekitar ternyata memerlukan perhatian daripada banyak pihak. Ini kerana bahan stirena yang terdapat dalam polistirena boleh menjadi agen penyebab kanser apabila ia meresap masuk ke dalam makanan.

Presiden Cpolistirena biasanya mengandungi sedikit sisa stirena kerana proses pembuatannya tidak 100 peratus berkesan. “Terdapat dua cara stirena ini boleh menyerap masuk ke dalam makanan jika bekas makanan itu masih baru disebabkan ia belum sebatu manakala yang lama mudah terurai akibat panas dan pancaran matahari. “Stirena yang meresap dalam makanan itu akhirnya akan masuk ke dalam badan dan bakal menjejaskan kesihatan manusia,” jelasnya di dalam satu kenyataan akhbar kepada Utusan Malaysia. Menurutnya lagi, Agensi Penyelidikan Kanser Antarabangsa (IARC), Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), telah mengelaskan stirena sebagai bahan karsinogen Kumpulan 2B iaitu agen penyebab kanser. “Kesan buruk stirena ini akan menyebabkan mutagen yang boleh memberi perubahan genetik. “Mutagen mungkin akan menyumbang risiko kanser dan merosakkan sistem pembiakan,” katanya lagi.

Beliau seterusnya berkata, pengeluaran polistirena juga membabitkan penggunaan benzena iaitu bahan karsinogen yang dikaitkan dengan leukemia. 'Di Britain, terdapat kajian mendapati bahawa polistirena dalam plastik yang digunakan untuk makanan mengandungi sehingga 80 bahagian persepuluh (bps) benzena. Sehubungan itu, CAP berharap orang ramai dapat mengubah trend dengan membawa bekas sendiri semasa membeli makanan daripada penjaja. "Dengan amalan ini, ia dapat mengelakkan orang ramai daripada terdedah kepada bahan-bahan penyebab kanser yang terdapat di dalam bekas makanan polistirena," ujarnya.

3 Mei 2009 (Ahad)

LKIM diminta cari kaedah berkesan agih diesel

KOTA KINABALU 3 Mei - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) diminta mencari kaedah terbaik bagi menjimatkan masa pengagihan diesel bersubsidi kepada nelayan di negeri ini. Ahli Parlimen Kinabatangan, Datuk Bung Moktar Radin berkata, langkah itu amat perlu memandangkan kebanyakan nelayan di negeri ini terbeban kerana terpaksa berbaris sehingga lapan jam untuk mendapatkan diesel. "Apa yang lebih menyedihkan, mereka ini (nelayan) merupakan nelayan kecil. Jika mereka menunggu dalam tempoh yang lama untuk mendapatkan bekalan diesel subsidi ini, sudah tentulah mereka lambat untuk turut ke laut. "Ini bukan sahaja merugikan masa dan tenaga mereka tetapi hasil pendapatan mereka juga berkurangan bagi menampung kehidupan mereka," katanya dalam kenyataan akhbar di sini hari ini.

Menurutnya, LKIM sepatutnya mempunyai kaedah melaksanakan sistem pengagihan terbaik yang tidak menyusahkan para nelayan untuk mendapatkan diesel subsidi disediakan kerajaan. Tambahnya, pegawai LKIM juga seharusnya memahami apa yang ditekankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bahawa rakyat didahulukan dan pencapaian diutamakan. "Jika sistem penyampaian pegawai dan kakitangan jabatan dan agensi kerajaan masih lagi tidak berubah. Saya bimbang rakyat akan menyalahkan kerajaan dan sudah tentu akan memberi kesan dalam pilihan raya akan datang. "Kerajaan telah berulang kali menekankan bahawa perlunya perubahan sikap di kalangan kakitangan kerajaan dalam melaksanakan hal yang berkaitan dengan rakyat," katanya.

Sementara itu beliau berharap para pegawai LKIM lebih bertimbang rasa dalam melakukan apa sahaja tindakan terhadap nelayan di negeri. "Saya dimaklumkan, kad e-Diesel lebih 100 nelayan di Sandakan telah diambil balik hanya kerana mereka meninggalkan jeti dan tidak mengambil minyak bersubsidi apabila tiba giliran mereka. "Pegawai LKIM kenalah bertimbang rasa kepada nelayan disini, sudahlah mereka terpaksa menunggu lama, kad pula diambil yang menambahkan beban nelayan di sini," ujarnya

3 Mei 2009 (Ahad)

16,000 petani bakal nikmati faedah Teman

KUALA KANGSAR 3 Mei - Terminal Makanan Negara (Teman) di Simpang Pulai, Ipoh, akan mengendalikan sebanyak 150,000 tan hasil tanaman termasuk buah-buahan setahun apabila ia beroperasi awal Januari depan. Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Perak, Basri Jasmo berkata, projek yang dibangunkan di kawasan seluas 20 hektar itu juga akan memberi peluang pekerjaan kepada kira-kira 2,000 orang. "Selain itu, kira-kira 16,000 petani dijangka akan turut menikmati faedah menerusi pelaksanaan Teman ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* selepas majlis menandatangani perjanjian jual beli hasil peserta ladang kontrak Kuala Kangsar dengan FAMA di Kampung Mandah, di sini baru-baru ini.

Menurut Basri, Teman adalah satu saluran bagi memantau kegiatan pengeluaran, peluang pemasaran dan harga hasil tanaman selain turut berfungsi sebagai pusat rujukan penentuan bekalan kepada pengguna. Teman juga, katanya, akan melakukan kerja-kerja pembungkusan dan penggredan hasil pertanian sebelum barangan tersebut memasuki pasaran. "Kewujudan Teman memberi peluang kepada ramai usahawan bumiputera terlibat secara langsung dalam bidang borong dan pelbagai lagi rangkaian sektor pertanian yang terdapat di negara ini," kata Basri.

3 Mei 2009 (Ahad)

Prolintas rancang tambah lebuh raya

JOHOR BAHRU 3 Mei - Projek Lintasan Kota Holding Sdn. Bhd. (Prolintas) 'membuka pintu' kepada mana-mana pihak yang berminat untuk menjual syarikat pengendali konsesi lebuh raya kepada pihaknya. Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ir. Zainudin A. Kadir berkata, syarikat itu sedia membeli sekiranya tawaran yang dibuat munasabah. Beliau berkata, Prolintas kini sedang mengintai peluang untuk meningkatkan jumlah pengendalian lebuh raya di negara ini. Pada masa ini, syarikat mengendalikan tiga lebuh raya iaitu Lebuh Raya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur (AKLEH), Lebuh Raya Koridor Guthrie dan Lebuh Raya Kemuning-Shah Alam. "Meskipun berhasrat untuk meningkatkan jumlah kendalian lebuh raya menjadi fokus tetapi Prolintas akan memastikan lebuh raya yang akan diambil itu berdaya maju dan mampu menjana nilai tambah kepada para pelabur," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Beliau yang mengakui beberapa syarikat sudah membuat tawaran kepada Prolintas berkata, bagaimanapun semuanya masih terlalu awal untuk pihaknya membuat keputusan. Ir. Zainudin berkata, syarikat itu mempunyai keupayaan cukup untuk membiayai pembelian syarikat lebuh raya sekiranya tiba masanya nanti. Jelasnya, Prolintas mempunyai imej yang baik dalam pasaran dan sudah tentu ia boleh melaksanakan pelbagai infrastruktur kewangan yang

ditawarkan dalam pasaran semasa seperti terbitan bon. "Kalau ada projek yang berdaya maju, saya tidak nampak mengapa usaha Prolintas ini tidak mendapat sokongan," jelasnya.

Mengulas mengenai kerja-kerja membesarkan laluan AKLEH, beliau berkata, Prolintas memang menerima banyak permintaan supaya lebuh raya sepanjang lapan kilometer itu dipanjangkan lagi. Katanya, mengikut perancangan, cadangan pengguna itu memang boleh dilaksanakan tetapi kajian terperinci perlu dibuat terlebih dahulu. Beliau tidak menolak AKLEH akan disambung kira-kira tiga kilometer lagi ke arah laluan Ampang. Dalam pada itu, Ir. Zainuddin tidak menolak kemungkinan kemerosotan ekonomi sedikit sebanyak akan mengurangkan kutipan tol di AKLEH namun ia bukan satu penurunan negatif. "Dalam industri pengendalian tol, laluan yang matang akan mencatatkan pertumbuhan satu digit berbanding pengembangan dua digit yang diperlukan pada awal operasi. AKLEH mempunyai lima persimpangan bertingkat iaitu di Jalan Sultan Ismail, Jalan Tun Razak, Jalan Jelatek, Jalan Hulu Kelang dan Jalan Ampang, dibuka lapan tahun lalu.

4 Mei 2009 (Isnin)

TPM arah kajian PPSMI dilanjutkan

KUALA LUMPUR 4 Mei - Tan Sri Muhyiddin Yassin mengarahkan kajian mengenai dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) dilanjutkan kerana beliau tidak berpuas hati dengan hasil kajian yang telah dibuat. Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pelajaran memberitahu, kementeriannya bersedia untuk 'menunggu lebih lama' bagi memastikan keputusan yang akan dibuat tidak *flip flop*. "Hasil kajian itu hanya akan dibentangkan ke Kabinet apabila saya telah berpuas hati, sama ada ia telah dijalankan dengan mendalam mengenai kesan dan adakah ia boleh ditambah baik. "Adakah perlu berlaku perubahan dasar dan apabila ia sudah lengkap dari semua sudut ia akan dibentangkan ke Kabinet, sekarang ini ia belum selesai," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja pertama ke Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini hari ini. Beliau menambah, terdapat keperluan untuk melanjutkan kajian PPSMI itu memandangkan terdapat hasil kajian yang dijalankan oleh penyelidik pertubuhan bebas berlainan dengan hasil yang dikumpulkan dalam sesi meja bulat. Katanya lagi, maklumat yang dikumpulkan dalam sesi meja bulat yang dibuat oleh kementerian adalah berdasarkan kepada perasaan individu terlibat, tetapi apa dibuat oleh penyelidikan bebas ini berdasarkan bukti. "Apabila saya telah berpuas hati dengan kajian, saya akan buat kenyataan terperinci mengenai PPSMI," katanya.

4 Mei 2009 (Isnin)

Gerak dakwa pegawai GLC terlibat salah urus kewangan

SHAH ALAM 4 Mei - Gerakan Anti Korupsi (Gerak) mendakwa mempunyai bukti sekumpulan pegawai di sebuah syarikat milik kerajaan (GLC) di negeri ini terlibat dengan salah urus kewangan mencecah RM25,000 pada Februari lalu. Pengerusinya, Mohd. Nazree Mohd. Yunos berkata, maklumat itu hasil dokumen yang diserahkan sendiri oleh dua pegawai syarikat itu yang menguruskan wang syarikat tersebut, kepada pihaknya minggu lalu. Beliau memberitahu, dokumen itu antara lain menyebut tujuh hingga 10 pegawai GLC itu terlibat dalam kegiatan pengeluaran wang secara luar biasa berhubung pelantikan pegawai luar ke syarikat tersebut pada bulan berkenaan. Tambahnya, berdasarkan bukti kukuh itu, Gerak mengambil keputusan menyerahkan dokumen itu kepada Pengarah Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor, Moh Samsudin Yusoff pada 11.15 pagi ini.

"Kes ini boleh disiasat di bawah Ordinan 22 (tuduhan rasuah menggunakan kuasa) mengikut peruntukan dalam SPRM dan mungkin boleh disemak di bawah peraturan-peraturan sedia ada dalam GLC terbabit," katanya kepada pemberita di sini.

Mohd. Nazree memberitahu, beliau dinasihatkan oleh SPRM supaya tidak mendedahkan nama GLC dan dua pegawai yang turut hadir sebagai saksi kerana banyak siasatan kes sebelum ini terjejas apabila maklumat itu didedahkan kepada umum. Bagaimanapun, jelasnya, kes tersebut tidak melibatkan orang tertentu dalam politik kecuali pegawai penjawat awam di GLC berkenaan. Beliau berkata, kini pihaknya membuktikan tindakan mereka bukan saja melibatkan penyelewengan oleh individu politik tetapi juga kakitangan awam. Sementara itu, Mohd. Nazree menegaskan, Pas tidak perlu bimbang jika parti itu tidak terlibat dalam kegiatan rasuah politik wang semasa muktamarnya yang akan berlangsung dari 4 hingga 7 Jun di sini. Beliau mengulas kenyataan Pas dalam sebuah media tempatan bahawa hanya SPRM yang dibenarkan bertindak sebagai pemantau semasa perjalanan muktamar tersebut.

5 Mei 2009 (Selasa)

Kerajaan beli Sabah Medical Centre

Oleh HAMDEN RAMLI dan ZULHISHAM ISHAK utusanabah@utusan.com.my



NAJIB Tun Razak dan isteri, Rosmah Mansor melihat mutiara yang dijual di Pasar Kraftangan sambil diperhatikan Musa Aman (tiga dari kanan) di Kota Kinabalu, semalam. - UTUSAN/GHAZALI BASRI

KOTA KINABALU 5 Mei - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan pembelian bangunan Pusat Perubatan Sabah (SMC) bagi mengatasi masalah kesesakan di Hospital Queen Elizabeth (QEH), selepas blok utama hospital itu diisytiharkan tidak lagi selamat digunakan pada tahun lalu. Perdana Menteri berkata, kerajaan juga akan menyalur peruntukan tambahan untuk menambah baik pusat perubatan berkenaan demi keselesaan pesakit. "Saya minta pembelian ini diuruskan secepat mungkin supaya perkhidmatan kesihatan untuk rakyat Sabah dapat kita sediakan dengan kaedah yang baik, diselesai dengan cepat dan jangan biarkan terlalu lama. "Kita luluskan pembelian SMC oleh Kementerian Kesihatan dengan harga yang wajar iaitu lebih kurang RM245 juta," katanya ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Rakyat bersama Perdana Menteri di Padang Merdeka di sini hari ini.

QEH diumumkan sebagai tidak selamat pada November tahun lalu setelah Jabatan Kerja Raya (JKR) menyatakan beberapa blok utamanya mengalami kerosakan dan keretakan serius. Berikutan itu, pemindahan para pesakit QEH dilakukan secara berperingkat ke hospital berdekatan termasuk di Hospital Daerah Kuala Penyu, Beaufort dan Keningau untuk sementara. Najib berkata, keputusan untuk tidak membina hospital baru bagi menggantikan QEH, sebaliknya membeli SMC adalah bagi memenuhi keperluan perkhidmatan kesihatan di ibu negeri. "Kalau nak hospital baru akan makan masa yang lama, kita nak segera, pencapaian diutamakan jadi kita buat cepat, insya-Allah akan diurus dengan baik.. Sementara itu, pada sidang akhbar, Najib berkata, kos penambahbaikan SMC tidak akan membabitkan jumlah besar. "Kos penambahbaikan juga akan disokong oleh pendapatan daripada SMC sendiri," katanya.

5 Mei 2009 (Selasa)

Kaedah agih 10% projek untuk kontraktor Kelas F dikaji

KUALA LUMPUR 5 Mei — Kementerian Kerja Raya akan mengenalpasti kaedah terbaik melaksanakan dasar agihan 10 peratus projek bernilai lebih RM10 juta kepada kontraktor Kelas F bagi memastikan ia benar-benar memberi manfaat kepada golongan terbabit. Menteri berkenaan Datuk Shaziman Abu Mansor berkata kementerian akan mengkaji semua pandangan, termasuk daripada kontraktor Kelas F, sebelum mengemukakan cadangan mengenai pelaksanaan dasar itu kepada Kabinet, dalam tempoh sebulan.

"Kementerian bimbang akan berlaku pertembungan atau salah faham antara kontraktor Kelas F dengan kontraktor utama yang boleh menjejaskan kelancaran projek yang hendak dilaksanakan. "Oleh itu kita mahu mendengar dahulu maklumbalas daripada mereka(kontraktor), kita akan kumpulkan, analisa dan kenalpasti kaedah terbaik untuk melaksanakan dasar agihan 10 peratus ini," katanya kepada pemberita selepas majlis dialog dengan Kontraktor Kelas F di kementerian itu di sini.

Beliau mengakui walaupun dasar itu bertujuan baik, terdapat beberapa kelemahan yang boleh diperbaiki terutama dalam memastikan dasar itu dapat meningkatkan keupayaan dan kapasiti golongan terbabit. - Bernama

5 Mei 2009 (Selasa)

RM40j bangun tanaman integrasi untuk penanam tembakau

BACHOK 5 Mei - Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dengan kerjasama syarikat-syarikat pengilang rokok memperuntukkan sejumlah RM40 juta untuk membangunkan industri tanaman integrasi secara besar-besaran sebagai tanaman sampingan kepada tanaman tembakau. Timbalan Menteri, Datuk Hamzah Zainuddin berkata, perancangan itu sebagai langkah persediaan untuk menghadapi pasaran bebas Asean 2010 yang memungkinkan penanam-penanam tembakau di negara ini tidak lagi menikmati harga istimewa yang dibeli oleh syarikat pengilang rokok.

"Mereka (syarikat) mungkin membeli harga yang lebih murah daripada saingan yang ditawarkan negara jiran terutama Thailand, Vietnam dan Indonesia," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan ihsan kepada penanam tembakau yang mengalami kerugian disebabkan tanaman mereka ditenggelami air di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBM) di sini hari ini. Seramai 3,453 penanam tembakau yang membabitkan Jajahan Bachok dan Pasir Puteh selain dari Besut, Terengganu, masing-masing menerima wang tunai sebanyak RM500 bagi meringankan beban mereka akibat kemusnahan itu. Pada 1 hingga 3 Mac lepas, mereka mengalami kerugian bahan *input* sebanyak RM16.6 juta apabila tanaman mereka seluas 2,874 hektar yang hasilnya hampir dapat dituai musnah sama sekali dalam kejadian berkenaan. Hamzah berkata, sehingga kini kerajaan sudah mengenal pasti tanaman kenaf sebagai salah satu tanaman yang berpotensi untuk dikembangkan memandangkan ia sesuai dengan tanah gambut selain tembakau.

Beliau berkata, kajian yang dibuat selama tujuh tahun mendapati tanaman itu mempunyai pelbagai kegunaan iaitu mesra alam, mampan dan dapat menggantikan bahan mentah berasaskan petroleum dan hasil hutan. Katanya bagi merealisasikan, kerajaan meluluskan penubuhan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara yang berperanan mengurus semua aspek penanaman, pemprosesan, mekanisasi, sistem pengeluaran, pasaran dan khidmat sokongan. Sementara itu, Hamzah berkata, bagi membantu mereka yang mengalami kerugian berkenaan, kerajaan dan syarikat pengeluar rokok bersetuju meluluskan tanaman gantian seluas 2,801 hektar bagi menggantikan tanaman yang rosak membabitkan 3,453 penanam. Katanya, pelbagai bentuk bantuan akan disalurkan termasuk membiayai kos penyediaan tanah yang bernilai RM1.72 juta, kos baja yang dianggarkan bernilai RM13 juta dan 75 peratus kos kimia pertanian bernilai RM1.5 juta, yang tidak termasuk memberi bantuan ihsan sebanyak RM1.7 juta. - BERNAMA

6 Mei 2009 (Rabu)

Pensyarah USM cipta teknologi proses air, udara tercemar



DR. Srimala Sreekantan (kanan) menunjukkan sijil dan pingat yang dimenangi di Geneva selepas memberi penerangan mengenai proses Titania Nano Tube (TNT) yang dihasilkan untuk menguraikan bahan toksin di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, kelmarin.

PULAU PINANG 6 Mei - Proses pembersihan air dan udara tercemar kini menjadi lebih berkesan dengan terciptanya teknologi Titania Nano Tube (TNT) yang mampu menguraikan bahan toksik kepada bahan bukan toksik dalam masa beberapa minit sahaja. Pensyarah Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanikal Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. Srimala Sreekantan berkata, teknologi tersebut menggunakan logam yang selamat secara klinikal iaitu Titania selain melibatkan kos yang rendah dan melalui proses mudah.

Menurutnya, produk dikenali sebagai *TNT - As a Novel Photocatalyzer* itu dihasilkan dalam bentuk tiub nano sekali gus membolehkan toksik diuraikan secara mudah dan cepat berbanding produk yang ada di pasaran sekarang dalam bentuk partikel bulat. "Oleh kerana ia dalam bentuk tiub nano, maka ia mengandungi banyak ruang kosong sekali gus proses dilakukan dengan mudah, malah teknologi TNT juga berunsur lutsinar, udara atau air diuraikan tanpa sebarang gangguan atau spesifikasi khas. "Maksud spesifikasi khas ialah ia boleh diuraikan dalam suhu semasa dan oleh kerana penyusunan tiub nano disusun secara teratur, maka proses foto mangkin (tindakan kepada tenaga solar) akan berlaku dengan mudah," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Produk dihasilkan Srimala itu berjaya memenangi pingat emas dan anugerah khas *Congratulations From Jury* dalam pertandingan berprestij Pameran Antarabangsa Reka Cipta Teknik dan Produk Baru kali ke-37 di Geneva, Switzerland baru-baru ini. Pingat emas pada pertandingan itu dimenangi Prof. Madya Dr. R. Mani Maran menerusi produk sistem pengesan keretakan bangunan dan Dr. Syed Sahal Nazli Alhady Syed Hassan melalui produk sistem pengunci dan brek kerusi roda di kawasan curam. Selain tiga pingat emas itu, USM memenangi tiga pingat perak dan tiga gangsa bagi produk yang dihasilkan penyelidikannya. Ini sekali gus meneruskan pencapaian cemerlang apabila mencatatkan keputusan 100 peratus pungutan pingat bagi setiap produk yang dipertandingkan.

Beliau berkata, proses teknologi TNT itu berfungsi dengan merendam logam titanium berunsur positif (anod) dan negatif (katod) dalam air kimia dan membiarkan selama beberapa minit supaya ia boleh membantu pertumbuhan tiub nano. "Tiub nano itu mampu bertambah dalam

beberapa minit bergantung kepada saiz Titanium dan ia boleh di letakkan di mana-mana, sama ada kawasan udara atau air yang mempunyai toksik bagi menghuraikannya kepada bukan toksik. "Bagaimanapun, bagi menguraikan, kita memerlukan cahaya solar atau lampu untuk mempercepat tindak balas," katanya yang mengaplikasikan sistem tersebut terhadap sisa tercemar minyak sawit sewaktu di Geneva.

6 Mei 2009 (Rabu)

Kos lima pilihan raya kecil RM39j, Penanti RM5j

PUTRAJAYA 6 Mei - Polis Diraja Malaysia (PDRM) membelanjakan RM39 juta untuk menjaga keselamatan di lima pilihan raya kecil yang diadakan selepas Pilihan Raya Umum Ke-12 Mac tahun lalu. Bagi Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Penanti 31 Mei ini, dijangkakan perbelanjaan PDRM mencecah RM5 juta.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusof berkata, perbelanjaan keselamatan itu bagi menampung kos penginapan, makan, tuntutan elaun tugas rasmi anggota, petrol, penyelenggaraan kenderaan, perjalanan dan utiliti. Menurutnya, perkiraan itu berdasarkan faktor keluasan sesebuah kawasan pilihan raya dan situasi keselamatan semasa kawasan terbabit.

"Pecahan perbelanjaan itu melibatkan kos RM2.82 juta di Parlimen Permatang Pauh, Parlimen Kuala Terengganu (RM15.3 juta), Parlimen Bukit Gantang (RM10.07 juta), DUN Bukit Selambau (RM6.39 juta) dan DUN Batang Air (RM4.6 juta). "Bagi DUN Penanti, saya merayu parti politik yang terlibat supaya tidak menimbulkan sebarang elemen ketegangan kerana ia akan menyebabkan kos perbelanjaannya menjadi lebih tinggi lagi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di pejabatnya di sini hari ini. Abu Seman memberitahu, seramai 15,114 anggota polis terlibat dalam menjaga keselamatan dan ketenteraman awam sepanjang lima pilihan raya kecil tersebut diadakan. "Bagi Permatang Pauh seramai 5,401 anggota polis terlibat, Kuala Terengganu (3,376), Bukit Gantang (3,307), Bukit Selambau (2,179) dan Batang Air (851)," katanya.

Menurutnya, penggunaan tenaga kerja dan jumlah peruntukan besar diperlukan bagi memastikan pilihan raya kecil terbabit dilaksanakan dalam keadaan selamat dan lancar. Kata beliau, ini supaya rakyat berasa selamat untuk keluar melaksanakan tanggungjawab sebagai pengundi. "Semasa pilihan raya kecil itu diadakan, polis perlu memastikan proses demokrasi berjalan dengan lancar dan tanpa gangguan," katanya.

6 Mei 2009 (Rabu)

Nelayan lambat dapat diesel subsidi disiasat

KOTA KINABALU 6 Mei - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan menyiasat dakwaan nelayan di Sandakan yang terpaksa berbaris sehingga lapan jam semata-mata untuk mendapatkan diesel subsidi. Pengerusi LKIM, Datuk Rahim Ismail berkata, perkembangan itu amat mendukacitakan kerana kerajaan membekalkan diesel subsidi bukan untuk menyusahkan golongan nelayan. Katanya, bahan bakar itu adalah bagi meringankan beban mereka yang rata-ratanya berpendapatan rendah dan majoritinya hidup di bawah garis kemiskinan. "Kita akan siasat perkara ini dengan pihak yang bertanggungjawab iaitu pengusaha stesen minyak di jeti terbabit termasuk Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Sandakan. "Ini kerana PNK Sandakan dilantik oleh LKIM sebagai pembekal rasmi diesel subsidi di negeri ini," katanya ketika dihubungi, di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Ahli Parlimen Kinabatangan, Datuk Bung Moktar Radin, yang meminta LKIM menyiasat segera rungutan para nelayan di Sandakan berhubung perkara itu. Bung Moktar mendakwa, disebabkan menunggu terlalu lama, ramai nelayan terpaksa lewat turun ke laut dan terdapat juga yang tidak mengambil diesel akibat menunggu terlalu lama. Abdul Rahim yang juga bekas Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah bagaimanapun berkata, siasatan terperinci perlu dilakukan sebelum tindakan sewajarnya dilakukan. "LKIM akan menyiasat segera dakwaan ini kerana masa yang terbuang menunggu diesel subsidi sepatutnya sudah diguna untuk menangkap ikan di laut," katanya.

Beliau berkata, jika kelewatan itu berpunca daripada stesen minyak di situ yang menggunakan sistem kod elektronik, LKIM meminta supaya kaedah manual digunakan semula. Menurutnya, pengusaha stesen itu dikatakan lebih gemar menggunakan sistem elektronik untuk merekodkan data penjualan bahan api dan cara tersebut mengambil masa yang lama. "Jika itu menjadi masalah, LKIM menggesa supaya pengusaha stesen minyak terbabit bertindak bijak dengan menggunakan sistem kod secara manual bagi mengatasi masalah ini," katanya.

6 Mei 2009 (Rabu)

Projek sedut gas sisa sampah

Oleh ANI AWANG utusanperak@utusan.com.my

IPOH 6 Mei - Kerajaan negeri meluluskan permohonan tanah seluas 28 hektar kepada Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) bagi melaksanakan projek menyedut gas daripada sisa pembuangan sampah untuk menghasilkan tenaga elektrik di tapak pelupusan sampah di Bercham, dekat sini. Datuk Bandar Ipoh, Datuk Roshidi Hashim berkata, fasa pertama projek itu membabitkan

kawasan seluas 17.2 hektar dengan pelaburan RM60 juta dan akan dilaksanakan dalam tempoh dua bulan dari sekarang. Katanya, projek itu mampu menangani masalah pencemaran gas berbahaya hasil pembuangan sampah oleh penduduk setempat.

"Sebaliknya gas yang akan disedut itu boleh digunakan untuk menjana tenaga elektrik bagi kegunaan 10,000 penduduk. "MBI mengadakan memorandum persefahaman (MoU) dengan IYO Alam Sekitar Sdn. Bhd. kerana kejayaan mereka melaksanakan projek itu di Puchong, Selangor," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini. Roshidi berkata, sebanyak 600 tan metrik sampah di kawasan bandar raya ini dibuang di tapak pelupusan itu setiap hari. "Saya harap projek ini berfaedah kepada penduduk setempat kerana selain mampu memelihara alam sekitar, ia juga memastikan kawasan itu boleh diindahkan," katanya.

Ditanya mengenai cadangan memindahkan tapak pembuangan sampah itu ke Papan, Roshidi berkata, buat masa ini isu itu tidak timbul kerana ia masih mampu menampung jumlah pembuangan sampah yang berlaku. "Tapak pelupusan sampah ini akan terus digunakan selagi tidak mendapat arahan kerajaan negeri untuk menutupnya," katanya.

7 Mei 2009 (Khamis)

Nelayan 'Ali Baba' kian aktif

KUCHING 7 Mei - Pengerusi Persatuan Nelayan Sarawak (Penesa), Jamali Basri mendakwa kegiatan nelayan 'Ali Baba' yang kini semakin serius di perairan Sarawak menyebabkan sumber perikanan berkurangan serta menjejaskan pendapatan nelayan tempatan. Katanya, nelayan Sarawak kini terpaksa menanggung kewangan lebih tinggi untuk membayar kos minyak berikutan terpaksa menangkap ikan lebih jauh dari lokasi biasa.

"Penesa telah menghantar surat bantahan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak," katanya semasa berucap pada majlis perasmian mesyuarat agung tahunan ke-24 Penesa yang disempurnakan oleh Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Pembangunan Usahawan Bumiputera), Mohamad Naroden Majais di sini hari ini.

Jamali berkata, istilah nelayan 'Ali Baba' merujuk pencerobohan dilakukan oleh bot nelayan dari luar negara yang didaftarkan sebagai bot tempatan. Selepas didaftarkan sebagai bot tempatan, Jamali berkata, bot nelayan dari luar itu digunakan oleh pihak tidak bertanggungjawab di negeri ini untuk menangkap ikan di perairan Sarawak. Mengenai prestasi Penesa, beliau berkata, keuntungan lepas cukai pada tahun 2008 Penesa ialah RM2.14 juta berbanding RM1.97 juta pada 2007.

"Ini adalah peningkatan sebanyak RM170,000 atau 8.6 peratus," katanya sambil menambah Penesa kini merupakan persatuan nelayan yang berdaya maju. Jamali mencadangkan supaya Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menyediakan peruntukan kewangan bagi

mewujudkan pasar nelayan bagi meningkatkan pendapatan nelayan di Sarawak. Bagi membolehkan lebih ramai nelayan menikmati subsidi diesel yang disediakan kerajaan, Penesa merancang membuka pusat jualan diesel di Asajaya/Semera, Sebuyau, Igan, Matu dan Kampung Beladin. - BERNAMA

7 Mei 2009 (Khamis)

AP ayam bulat akan dibuka semula

PUTRAJAYA 7 Mei – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan mencadangkan kepada Kabinet supaya stok penimbal ayam diwujudkan bagi menstabilkan harga ternakan itu di pasaran. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Noh Omar berkata, kementeriannya pada masa sama akan membuka semula permit import (AP) ayam bulat yang dibekukan pada tahun lepas untuk mengawal harga ayam.

“Sudah sampai masa kita wujudkan stok penimbal untuk ayam di mana apabila ayam berkurangan, kita boleh keluarkan ayam daripada stok yang ada. “Jika ayam disimpan terlalu lama sebagai stok penimbal, ia boleh dijual untuk diproses menjadi makanan,” katanya selepas mengadakan pertemuan dengan wakil Persekutuan Persatuan-persatuan Penternak Malaysia di sini hari ini.

Noh berkata, AP untuk ayam bulat telah dikeluarkan kepada 19 syarikat tetapi hanya tiga daripadanya yang betul-betul mengimport ayam dari luar negara. “Semua AP ini bagaimanapun telah dihentikan pada tahun lalu ekoran penularan wabak selesema burung di Thailand. “Tetapi disebabkan harga ayam tidak lagi stabil, jadi kementerian bersetuju untuk membuka semula AP serta tidak mengenakan syarat kuota terhadap pengeluarannya,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya pada masa sama tidak mengehadkan pengeluaran AP untuk keratan ayam atau ayam tidak bertulang. “Keratan ayam ini digunakan untuk pemprosesan makanan seperti burger dan bebola ayam,” katanya.

Noh bagaimanapun menegaskan penawaran ayam tempatan adalah mencukupi tetapi lebih permintaan didapati berlaku pada musim-musim tertentu. “Negara memerlukan 1.3 juta ekor ayam setiap hari dan penternak tempatan menyediakan ayam yang lebih daripada mencukupi,” katanya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, harga ayam di ladang tempatan adalah yang paling rendah berbanding beberapa negara lain di rantau ini. “Harga ayam Malaysia di ladang adalah yang paling rendah berbanding tempat lain seperti Bangkok dan Hatyai di Thailand, Vietnam serta Indonesia. “Soalnya walaupun harga di ladang adalah murah tetapi harga meningkat apabila diagihkan daripada penternak kepada pemborong dan seterusnya peruncit,” katanya.

8 Mei 2009 (Jumaat)

Nelayan mahu Batu Maung diambil alih

PULAU PINANG 8 Mei - Persatuan Nelayan Pulau Pinang menggesa supaya pelabuhan perikanan Batu Maung yang diuruskan oleh Malaysian International Tuna Port Sdn. Bhd. (MITP) diambil alih Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) kerana MITP didakwa gagal mengurus kompleks itu dengan baik. Pengerusinya, Md. Zainol Ajamin mendakwa, sejak beroperasi secara rasmi di bawah MITP pada 2006, pelbagai perkara yang dirancang untuk menjadikan pelabuhan itu sebagai pusat pendaratan utama tuna negara juga gagal dilaksanakan. Malah, katanya, kedudukan syarikat berkenaan juga amat memalukan berikutan para pekerjaanya tidak dibayar gaji di antara dua hingga lima bulan dan pada masa sama MITP juga banyak berhutang dengan syarikat yang berurusan dengannya.

"Perancangan megah MITP membangunkan dermaga besar bernilai RM240 juta di kawasan tanah pajakan LKIM yang sepatutnya siap pada tahun lalu juga tidak bermula dan ini sesuatu yang merugikan," katanya di sini semalam.

Dakwanya, tujuan penubuhan MITP membangunkan Batu Maung sebagai pelabuhan utama pendaratan tuna di negara ini juga gagal apabila jumlah pendaratan semakin merosot iaitu daripada 4,114 tan metrik pada tahun 2003 kepada 3,304 (2007) dan 3,437 (2008). Jelasnya, kegagalan itu dipercayai kerana ramai pengusaha bot tuna tidak berminat mendaratkan ikan di pelabuhan itu ekoran kerenah pentadbiran dan caj yang tinggi. Beliau menambah, walaupun sebanyak 100 lesen bot dikeluarkan, hanya 64 yang beroperasi dan daripada jumlah itu 40 sahaja mendaratkan ikan di situ.

Mengulas lanjut, Md. Zainol memberitahu, MITP juga tidak mampu memperbaiki Sub Stesen TNB yang rosak akibat lebih beban sejak 9 April lalu. Katanya, ini menyebabkan elektrik dibekalkan melalui janakuasa tunggu sedia bermula pada pukul 8.30 pagi hingga 12.30 tengahari dan 2.30 hingga 5 petang. "Pada 9 dan 10 April tahun ini tiada langsung bekalan elektrik disalurkan sepanjang hari dan situasi tersebut menjadi semakin teruk sejak akhir-akhir ini apabila bekalan elektrik hanya dibekalkan dari pukul 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari.

"Kegagalan membekalkan elektrik menjejaskan keselamatan operasi pemunggahan ikan tuna apabila ia hanya dapat dilakukan pada waktu siang sekali gus bertentangan dengan prosedur operasi standard selain turut menjejaskan simpanan ikan dan air batu. "Keadaan lebih memalukan apabila pejabat LKIM negeri dan persatuan nelayan tidak dapat beroperasi mengikut waktu antaranya sistem komputer untuk akaun, lesen, subsidi diesel, pengisytiharan ikan tidak dapat berfungsi dengan baik," katanya.

8 Mei 2009 (Jumaat)

Petani tembakau perlu beralih tanaman lain



hamzah Zainuddin (tiga dari kanan) menyampaikan replika cek bantuan ihsan kepada seorang wakil penanam tembakau di Bachok, Kelantan, baru-baru ini

KOTA BHARU 8 Mei - Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) bimbang dengan sambutan kurang memberangsangkan di kalangan penanam tembakau di negeri ini untuk beralih kepada tanaman lain bagi menyara kehidupan keluarga mereka pada masa depan. Timbalan Menterinya, Datuk Hamzah Zainuddin berkata, mereka seharusnya sudah bersiap sedia untuk berubah ekoran pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) yang bermula tahun hadapan akan memberi kesan terhadap punca pendapatan selama ini. Setiap penanam tembakau di negeri ini harus menyedari, pelaksanaan AFTA mulai 1 Januari akan mendorong pengilang memilih tembakau dan produk tembakau dari luar negara kerana kos import jauh lebih rendah berbanding keluaran dalam negara. "Ketika itu penanam tempatan perlu bersaing dengan penanam tembakau dari Thailand, Indonesia, Kemboja dan Vietnam yang mana ia turut menjejaskan pendapatan berbanding dengan apa yang mereka peroleh ketika ini," ujarinya.

Dengan permintaan yang kecil itu kelak, sebahagian besar keluarga petani terpaksa meninggalkan tanaman tersebut yang selama ini menjadi nadi kehidupan mereka sejak sekian lama. Justeru kerajaan telah mengarahkan LTN mengambil inisiatif melaksanakan program tanaman integrasi untuk membantu mereka mengusahakan tanaman lain untuk mempelbagaikan sumber pendapatan. Ketika ini difahamkan kurang daripada 100 orang petani yang mula beralih ke tanaman lain dan ini mencakupi keluasan 150 hektar yang kebanyakannya diusahakan dengan kenaf manakala tidak sampai 10 orang bagi tanaman cili menggunakan kaedah fertagasi. Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyampaikan bantuan ihsan kepada 3,453 penanam tembakau yang tanaman mereka rosak akibat hujan lebat pada bulan Mac lepas di Institut Kemahiran Belia Negara di Bachok, baru-baru ini. Masing-masing menerima RM500. Hujan menjejaskan kawasan seluas 2,874 hektar iaitu 2,609 hektar di Kelantan dan 265 hektar tanaman tembakau di Terengganu dengan kerugian dianggarkan RM16.6 juta manakala nilai kerugian daun diawet hampir RM45 juta. Katanya, kenaf telah dikenal pasti sebagai sumber pertumbuhan baru di samping tanaman alternatif lain, justeru bagi menyegerakan pembangunan dan memajukan industri ini, kerajaan telah meluluskan penubuhan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara. "Tugas ini agak mencabar kerana semua aspek penanaman, pemprosesan, pengeluaran, pasaran dan khidmat sokongan perlu dikaji terlebih dahulu," ujarinya.

10 Mei 2009 (Ahad)

42,700 projek pakej 1, 2

KUALA LUMPUR 10 Mei – Kira-kira 42,700 projek bernilai RM5.6 bilion telah diberikan dan dilaksanakan di bawah dua pakej rangsangan, kata Ketua Pegawai Operasi Unit Pengurusan Projek (PMU) Datuk Ir. Mohamad Othman Zainal Azim hari ini. Beliau berkata, sebanyak 39,316 projek bernilai RM3.4 bilion adalah di bawah pakej pertama dan 2,745 projek bernilai RM2.2 bilion ialah yang dikenal pasti di bawah pakej rangsangan kedua dan menurutnya menjelang akhir bulan ini, semua projek di bawah pakej rangsangan pertama akan dilaksanakan sepenuhnya. Projek dikenal pasti di bawah dua pakej rangsangan itu termasuk yang memerlukan dinaik taraf, pemulihan dan penyelenggaraan, kesihatan dan projek untuk membangunkan dan meningkatkan modal insan, memastikan kesejahteraan rakyat dan peningkatan daya saing. Projek berkenaan sedang dilaksanakan oleh kementerian dan agensi yang berkenaan, katanya dalam kenyataan hari ini.

Pakej rangsangan berkenaan yang merupakan 9 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) direka untuk memperkukuhkan dan merangsang ekonomi dengan projek berimpak tinggi dan yang dapat menghasilkan faedah secara terus kepada rakyat di peringkat tempatan. Ia juga direka untuk memperkukuhkan ekonomi dan meningkatkan daya tahan negara dalam menghadapi persekitaran ekonomi global yang sukar sekarang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak secara peribadi memantau semua aspek pakej rangsangan berasaskan setiap minggu. Pendekatan itu bagi memastikan sasaran yang ditetapkan di bawah kedua-dua pakej rangsangan dicapai. Mohamad Othman juga berkata, terdapat sambutan menggalakkan terhadap laman web yang dikhususkan kepada dua pakej rangsangan berkenaan di seluruh negara, termasuk mereka dari kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Banyak daripada soalan yang dikemukakan boleh diletakkan dalam kumpulan iaitu mereka yang mahukan maklumat mengenai bagaimana untuk menjalankan perniagaan - baik di dalam negara mahupun di luar negara - mendapatkan pinjaman untuk memulakan perniagaan, mengenai perumahan, pengangkutan termasuk kemudahan jalan raya di luar bandar dan biasiswa.

Mohamad Othman berkata, pertanyaan dan cadangan berkaitan dengan kementerian dan agensi yang berbeza telah dikemukakan kepada pihak yang berkenaan untuk tindakan lanjut. “Agensi dan kementerian berkenaan, masing-masing menjawab soalan yang dikemukakan secara terus kepada individu terbabit,” katanya.

Menurutnya, setakat ini lebih 130 soalan telah diterima oleh PMU melalui laman web itu yang dilancarkan pada 8 April 2009 dan kebanyakan soalan telah dijawab. Untuk meningkatkan interaksi dengan orang ramai, versi bahasa Inggeris turut disediakan dalam laman web itu. Sama seperti dengan laman web versi bahasa Malaysia — versi bahasa Inggeris www.rangsanganekonomi.treasury.gov.my juga direka untuk memberi maklumat kepada orang ramai dan membolehkan mereka mengetahui perkembangan pelbagai inisiatif dan program di

bawah dua pakej rangsangan itu. Laman web itu menawarkan maklumat peruntukan mengikut negeri, kementerian, projek dan teras pakej berkenaan. Setiap agensi dan kementerian itu kemudiannya menyediakan maklumat mengikut bidang masing-masing. Laman web berkenaan juga menawarkan venue bagi maklum balas daripada orang ramai.

Najib dalam perutusan ringkas dalam laman web itu berkata: “Kami menyediakan laman web ini agar semua rakyat Malaysia boleh mengetahui dan mengikuti perkembangan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program yang telah dirumuskan untuk menangani isu ekonomi akibat daripada krisis ekonomi global. “Langkah-langkah yang digariskan di bawah Pakej Rangsangan berkenaan bukan hanya fokus kepada merangsang ekonomi bagi jangka masa pendek tetapi juga membina kapasiti ekonomi jangka panjang. Ini akan memastikan Malaysia bersiap sedia untuk segera memanfaatkan peluang apabila ekonomi global pulih,” katanya.

Malaysia mengumumkan dua pakej rangsangan. Pakej rangsangan pertama sebanyak RM7 bilion diumumkan pada 4 November, 2008 dan pakej kedua, Bajet Mini RM60 bilion dibentangkan di Parlimen pada 10 Mac, 2009. PMU bersama-sama dengan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP) dan agensi relevan lain telah dipertanggungjawabkan untuk memantau kedua-dua pakej rangsangan. Di samping itu, sebuah jawatankuasa teknikal turut ditubuhkan untuk menyelesaikan isu dasar dan pentadbiran yang dibangkitkan. Jawatankuasa itu dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan bermesyuarat setiap minggu. Jawatankuasa itu melaporkan kepada Jawatankuasa Tetap yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri. – BERNAMA

10 Mei 2009 (Ahad)

150 jeti pendaratan ikan bernilai RM50j dibina

LANGKAWI 10 Mei — Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan membina 150 jeti pendaratan ikan selain menaik taraf jeti yang ada bernilai RM50 juta di seluruh negara. Menteri, Datuk Noh Omar berkata jeti itu dibina atau dinaik taraf untuk kemudahan tempat pemasaran dan pendaratan ikan dalam usaha meningkatkan hasil dan pendapatan nelayan. “Kementerian yakin pembinaan jeti-jeti tersebut akan menggalakkan nelayan lebih produktif”, katanya kepada pemberita selepas majlis ramah mesra dengan nelayan Langkawi di Kompleks LKIM Langkawi di Penarak, Kuah di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Anggota Parlimen Langkawi, Datuk Paduka Abu Bakar Taib, anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuah, Datuk Nawawi Ahmad dan Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Datuk Mustafa Ahmad turut hadir. Noh berkata daripada jumlah jeti yang akan dibina itu, sebanyak 18 jeti dengan peruntukan RM7.7 juta akan dibina di Kedah, tujuh daripadanya di Langkawi dengan kos RM2.5 juta.

Jabatan Perikanan pula memperuntukkan RM700,000 bagi membina tukun dan LKIM menyediakan RM2 juta untuk unjam di Langkawi bagi menambah sumber pembiakan ikan, tambahnya. Beliau berkata Jabatan Perikanan sehingga kini telah meluluskan 13,000 lesen menangkap ikan kepada nelayan kecil daripada sejumlah 15,900 permohonan yang diterima di seluruh negara untuk membolehkan mereka menikmati insentif termasuk elaun sara hidup RM200 sebulan yang disediakan kerajaan. Sebelum itu ketika berucap, Noh berkata sebanyak RM73 juta diperuntukkan untuk Langkawi bagi pembangunan sumber air pertanian bagi membolehkan penanaman padi dua kali setahun. Pada majlis itu, beliau melepaskan 8,000 ekor benih ikan kerapu harimau dan kerapu botol di projek ternakan ikan dalam sangkar Persatuan Nelayan kawasan Langkawi (PNKL).

11 Mei 2009 (Isnin)

Projek Jalan Duta di bawah JKR

KUALA LUMPUR 11 Mei - Jalan bertingkat dari Stadium Hoki Jalan Duta sehingga ke Jalan Ipoh tidak terletak di bawah bidang kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), sebaliknya Jabatan Kerja Raya (JKR) cawangan Jalan. Justeru, Pengurus Komunikasi Korporat DBKL, Anwar Mohd. Zain berkata, segala kerosakan kemudahan di sepanjang jalan itu termasuk lampu jalan juga terletak di bawah bidang kuasa JKR. Menurutnya, projek menaik taraf Jalan Duta/Jalan Kuching itu bermula dari persimpangan Institut Kemajuan Islam Malaysia (IKIM) ke Bulatan Segambut sehingga ke Jalan Ipoh.

"Projek itu merangkumi jejambat ke Jalan Ipoh dan juga dari dari Jalan Kuching," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini. Anwar berkata, DBKL telah memaklumkan tentang kerosakan lampu itu kepada pihak JKR supaya kerja membaikinya dapat dilakukan dengan segera. Sabtu lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan mengenai lampu jalan di kawasan itu yang didakwa tidak berfungsi sejak empat bulan lalu.

11 Mei 2009 (Isnin)

Syor bina empangan perlu dikaji

JITRA 11 Mei - Kerajaan akan menimbang cadangan untuk membina dua empangan masing-masing di Gunung Jerai, Merbok dan di Telaga Tujuh, Langkawi bagi kemudahan pengairan pertanian di sekitar kawasan berkenaan. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Johari Baharom berkata, buat masa sekarang kebanyakan pesawah di sekitar Jerai dan Langkawi masih mengusahakan tanaman padi sekali setahun kerana kekurangan air.

Justeru, kata beliau, cadangan berkenaan jika dilaksanakan dilihat mampu membantu petani mengusahakan padi dua kali setahun seperti di kawasan lain. "Cadangan pembinaan ini perlu kita kaji kerana ia berpotensi meningkatkan jumlah pengeluaran padi di negeri ini," katanya kepada pemberita selepas majlis perjumpaan bersama beliau dan pemimpin peladang Parlimen Kubang Pasu di sini semalam.

Dalam pada itu, Mohd. Johari yang juga Ahli Parlimen Kubang Pasu berkata, beliau akan mengadakan perbincangan dengan pihak berkenaan mengenai air dari empangan Beris di Sik yang tidak dapat dimanfaatkan oleh petani di kawasan sekitarnya. Pada masa ini, katanya, bekalan air dari empangan berkenaan disalurkan kepada penduduk di Pulau Pinang dan Perak sedangkan petani seperti di Sik dan Pendang memerlukan sumber itu pada waktu tertentu untuk mengusahakan sawah mereka.

Sementara itu, beliau memberitahu, kerajaan menerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) akan mengambil alih sebanyak 1,172 hektar sawah di negeri ini yang dipajak atau disewakan kepada orang lain untuk diusahakan secara estet. Katanya, ia bagi memastikan petani yang memiliki tanah berkenaan mendapat faedah secara langsung melalui pelbagai bantuan subsidi sebanyak RM2,200 sehektar bagi setiap musim yang disediakan kerajaan. "Sudah 10 tahun tanah sawah berkenaan disewakan tanpa mempunyai perjanjian, jadi dengan mengambil alih tanah juga dapat meningkatkan hasil pengeluaran padi kerana akan diusahakan secara estet," katanya.

11 Mei 2009 (Isnin)

Perjanjian baru FAMA lebih berkesan

PASIR MAS 11 Mei - Langkah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memperkenalkan kaedah perjanjian baru bagi urusan jual beli ladang kontrak di wilayah Timur bertujuan memastikan urusan pemasaran produk pertanian dilakukan dengan lebih berkesan. Pengarah FAMA Wilayah Timur, Mohd. Zaimi Abd. Razak berkata, melalui langkah itu, FAMA akan menjadi pembeli tunggal hasil pertanian yang akan dipasarkan di seluruh negara. "Kaedah alternatif yang dimulakan tahun ini sekali gus dapat mengatasi kelemahan dalam sistem lama. "Sebelum ini ada kontrak tetapi tidak ada perjanjian bertulis menyebabkan peladang boleh menjual produk mereka kepada pemborong lain jika ditawarkan harga lebih tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Majlis Menandatangani Perjanjian Jual Beli Ladang Kontrak Negeri Kelantan 2009, Kampung Slow Terliar, di sini hari ini. Hadir sama Pengarah FAMA Kelantan, Mamat Yunus. Mohd. Zaimi berkata, perjanjian untuk tempoh semusim bagi produk tembikai susu itu tidak akan merugikan peladang kerana harga yang ditetapkan oleh FAMA adalah harga lantai iaitu lebih tinggi daripada nilai pasaran. Katanya, FAMA akan menyediakan lori untuk memungut hasil yang telah dituai oleh peladang terus ke pasaran seluruh negara.

Sementara itu, Mamat berkata, perjanjian ini merupakan yang kelima diadakan di negeri ini dengan jumlah keluasan tanaman keseluruhannya sebanyak kira-kira 400 hektar. "Perjanjian di kampung ini melibatkan 12 hektar tanah yang diuruskan 19 peladang dan kami jangka dalam tempoh dua minggu sebanyak 200 tan tembikai susu dapat dituai. "Melalui perjanjian ini harga yang ditetapkan adalah RM1.10 bagi setiap kilogram sebagai permulaan dan jika berlaku perubahan pasaran harga ini juga akan berubah," jelasnya.

Tumpuan diberikan kepada tembikai susu atas arahan kerajaan yang mahu wilayah timur menjadi pengeluar utama hasil pertanian itu di seluruh negara. Dalam pada itu katanya, FAMA Kelantan merancang untuk menambah sebanyak 12 gerai buah-buahan FAMA (GBBF) di seluruh negeri sebagai pusat jualan hasil pertanian. Beliau berkata, setakat ini sebanyak sembilan buah GBBF telah dibuka menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 25 di negeri ini.

11 Mei 2009 (Isnin)

Ekonomi kekal positif

KUALA LUMPUR 11 Mei - Malaysia mampu meraih pertumbuhan ekonomi yang positif pada suku keempat tahun ini meskipun angka eksport negara merosot, kata Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz hari ini. Zeti yang sekali lagi menolak andaian negara akan mengalami kemelesetan teknikal, menambah, penurunan eksport itu boleh diimbangi dengan kekukuhan permintaan domestik. Beliau berkata, kerajaan telah melaksanakan dasar yang kondusif terhadap ekonomi dengan sektor perbankan tempatan terus memberi pinjaman dan pakej rangsangan ekonomi dilaksanakan. "Jika persekitaran ekonomi global tidak pulih, tetapi terus stabil, pertumbuhan ekonomi kita akan positif dengan keadaan yang lebih baik pada separuh kedua, terutamanya pada suku keempat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar taklimat laporan tahunan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) 2008 di sini hari ini. Bank Pusat itu sebelum ini mengunjurkan pertumbuhan ekonomi negara antara -1 peratus dan satu peratus. Ketika menolak andaian bahawa negara akan mencatatkan pertumbuhan negatif pada tahun ini, beliau berkata, BNM akan mengkaji semula unjuran pertumbuhan ekonomi suku pertama pada akhir bulan ini sambil menyifatkannya pertumbuhan suku pertama yang baik. "Ia (pengumumannya) mungkin dibuat oleh Perdana Menteri," jelasnya.

Ketika diasak dengan pertanyaan bahawa Malaysia akan mengalami kemelesetan teknikal pada separuh pertama, Zeti sebaliknya berkata, negara kini melihat kepada pemulihan pada separuh kedua. "Kami tahu pertumbuhan akan menjadi lebih perlahan (pada separuh pertama 2009) lebih setahun lalu. Oleh itu BNM tidak menaikkan kadar faedah. Zeti menambah, ekonomi Asia Pasifik adalah lebih baik berbanding pasaran terbuka lain dan negara yang memiliki kekukuhan ekonomi domestik bakal mencatat pertumbuhan lebih baik.

12 Mei 2009 (Selasa)

Felda, Sime Darby tambah hasil peneroka



Najib Tun Razak meletakkan tiub mengandungi DNA kelapa sawit *Elaeis guineensis* Jacq ke dalam bekas nitrogen cecair sambil diperhatikan oleh Musa Hitam (dua dari kanan) sebagai gimik pelancaran penemuan terbaru biji benih kelapa sawit Sime Darby Bhd. di KLCC, semalam.

KUALA LUMPUR 12 Mei - Felda akan bekerjasama dengan Sime Darby Berhad (Sime Darby) bagi meningkatkan pendapatan peneroka melalui penanaman baka baru pokok kelapa sawit yang dihasilkan syarikat berkenaan. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, baka baru itu agak unik kerana ia boleh menghasilkan buah sawit dan perahan minyak lebih banyak serta mengurangkan penggunaan tenaga buruh. "Kita akan berbincang dengan Sime Darby ketika Felda membuat penanaman semula nanti untuk menggunakan benih baru ini. "Dari segi pengeluaran kita boleh menggandakan hasil dengan jumlah keluasan sedia ada supaya terdapat peningkatan dalam produktiviti 100 peratus," kata beliau.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengumumkan kejayaan Sime Darby menterjemahkan secara keseluruhan kod genetik pokok kelapa sawit di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini hari ini. Turut hadir Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok; Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Peter Chin Fah Kui dan Pengerusi Sime Darby, Tun Musa Hitam. Kejayaan itu yang merupakan kali pertama di dunia akan membolehkan syarikat berkenaan menghasilkan baka baru sawit yang tahan penyakit dan mengeluarkan hasil yang banyak.

Menurut Najib, kerjasama antara Felda dan syarikat itu akan dilakukan secara adil termasuk kemungkinan lembaga berkenaan membuat bayaran bagi membeli benih baka baru itu. "Kita difahamkan Sime Darby telah membelanjakan lebih RM40 juta bagi melakukan penyelidikan dan pembangunan untuk menghasilkan baka ini dan sudah tentu kita perlu membayar kosnya," kata beliau.

Dalam perkembangan berkaitan, Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan tidak bercadang menghapuskan cukai yang dikenakan ke atas keuntungan berlebihan yang diperoleh oleh penanam kelapa sawit. Bagaimanapun, berikutan rungutan yang diterima daripada penanam kelapa sawit, katanya, kerajaan baru-baru ini menaikkan had yang dikenakan cukai kepada RM2,500 setan metrik bagi Semenanjung Malaysia dan RM3,000 bagi Sabah dan Sarawak. Baru-baru ini, beberapa persatuan dan syarikat yang terlibat dalam industri sawit telah mencadangkan supaya kerajaan menimbang untuk menghapuskan cukai keuntungan

berlebihan itu memandangkan ia boleh menjadi penghalang kepada peningkatan pelaburan dalam sektor berkenaan.

Terdahulu dalam ucapannya, Najib berkata, baka baru yang dihasilkan oleh Sime Darby itu akan membolehkan hasil kelapa sawit ditingkatkan tanpa memerlukan ladang-ladang baru dibuka. "Ketika kerajaan meneruskan usaha untuk meningkatkan pendapatan penanam kelapa sawit, kita juga perlu memastikan hutan tropika tidak diteroka semata-mata untuk aktiviti peladangan. "Penemuan baru ini juga akan meningkatkan hasil kelapa sawit berlipat kali ganda sekali gus membolehkan minyaknya turut digunakan bagi menghasilkan biodiesel dan dalam masa sama tidak menjejaskan keperluan untuk makanan," ujarnya.

12 Mei 2009 (Selasa)

Kantin jadi bilik darjah

Oleh saibulah darwi utusanjohor@utusan.com.my



Sekolah Kebangsaan Kopok, di Tebrau yang semakin padat dengan pelajar dan perlu diperbesarkan

JOHOR BAHRU 12 Mei - Kementerian Pelajaran diminta membina sebuah sekolah di Taman Scientex di Pasir Gudang di sini bagi menampung keperluan penduduk sekitarnya yang berjumlah hampir 36,000 orang. Disebabkan ketiadaan sekolah di kawasan itu, penduduknya terpaksa menghantar anak-anak ke empat buah sekolah yang agak jauh dan sesak hingga menempatkan 50 hingga 70 pelajar dalam satu kelas pada satu-satu masa. Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, sekolah-sekolah itu tidak terletak di Pasir Gudang sebaliknya di Tebrau dengan beberapa kelasnya terpaksa diadakan di kantin, perpustakaan dan surau kerana kekurangan bilik darjah.

Ketua Pemuda UMNO Bahagian Pasir Gudang, **Rohazam Shah Ahmad** berkata, empat sekolah berkenaan ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Kopok, SK Cahaya Baru Masai, Sekolah Agama Kopok dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kota Masai. Menurutnya, di Pasir Gudang hanya terdapat SK Taman Cendana yang semakin padat.

"Sejak 2004, UMNO Bahagian Pasir Gudang mencadangkan agar dibina sekolah di Taman Scientex yang mempunyai ramai penduduk dan dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang jumlah pelajar dari kawasan itu akan meningkat berlipat kali ganda."Tetapi malangnya, sekolah itu tidak dibina sebaliknya dibina pula Sekolah Menengah Asrama Nusa Damai yang

kedudukannya tidak strategik dan tidak menyelesaikan masalah kepadatan itu," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Rohazam berkata, keadaan itu menyebabkan masalah kepadatan pelajar semakin meruncing dan menimbulkan rasa kurang senang di kalangan ibu bapa. "Penduduk kecewa cadangan penduduk tak dilayan dan kenapa dibina sekolah di lokasi yang tak strategik, hingga menyusahkan mereka," katanya.

Justeru, beliau berkata, kementerian diminta mengkaji semula sekolah-sekolah yang hendak dibina bagi memastikan ia memenuhi keperluan pendidikan masyarakat bukan sahaja di Pasir Gudang tetapi juga di seluruh negara. "UMNO bahagian dan pejabat Ahli Parlimen Pasir Gudang telah mengetengahkan perkara ini kepada Pejabat Pelajaran Daerah setahun lalu tetapi kami tidak menerima maklum balas sewajarnya," dakwanya.

Rohazam berkata, ekoran itu ramai ibu bapa mengadu bimbang pencapaian para pelajar berkenaan terjejas kerana belajar dalam keadaan tidak selesa dan terlalu padat.

Ketua UMNO Cawangan Taman Scientex, **Mohd. Sazwan Kamaludin**, 37, berkata, sebuah tapak telah disediakan oleh kerajaan negeri untuk dibina sebuah sekolah di Taman Scientex namun tiada sebarang tindakan diambil oleh pihak terbabit. "Sebaliknya sekolah yang jauh di Nusa Damai pula dibina dan disebabkan ia adalah sekolah asrama maka sudah tentu tidak ramai orang boleh belajar di situ dan ia tidak menyelesaikan masalah kerana jumlah murid dan pelajar di Taman Scientex semakin ramai dari tahun ke tahun," katanya.

Peniaga, **Azhar Othman**, 37, yang telah 10 tahun menetap di Taman Scientex berkata, pihaknya telah mendapat surat sokongan daripada Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada Mac 2009 agar sekolah kebangsaan dibina di taman itu. "Tetapi apa yang berlaku ialah SK Kopok yang kawasannya sempit dibina pula sebuah lagi bangunan empat tingkat menjadikannya semakin sempit dan murid-murid belajar dengan kurang selesa," jelasnya.

Bagi Sekolah Agama Kopok, menurutnya, murid-murid ada kalanya terpaksa belajar di atas lantai dan satu bilik darjah dibahagikan dua kerana kekurangan bilik darjah. Bapa kepada enam orang anak, **Azhar Atan**, 45, berkata, kedudukan sekolah-sekolah yang jauh dari tempat tinggal menyebabkan kos perbelanjaan pengangkutan amat tinggi setiap bulan. "Setiap bulan lebih RM300 dibelanjakan untuk bayar bas sekolah dan kos pengangkutan, ini cukup membebankan, kalau ada sekolah yang dekat dengan rumah maka ia dapat membantu," katanya.

12 Mei 2009 (Selasa)

'KLCP 2020 nafi hak kami'

Oleh NAZMIL NASIRUDDIN kota@utusan.com.my



Tan Joe Hann (dua dari kiri) menyatakan sesuatu kepada Siti Solehah Khusaini sambil diperhatikan oleh Ahli Jawatankuasa Permas sebelum membentangkan hujah mereka pada sesi bantahan Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 di Kuala Lumpur, baru-baru ini. - UTUSAN/ ZULAZHAR SHEBLEE

KUALA LUMPUR 12 Mei - Penduduk di dua kawasan di sekitar ibu negara mempertikaikan Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (KLCP 2020) yang tidak memasukkan kawasan penempatan mereka ke dalam pelan itu. Penasihat Persatuan Masyarakat Selangor dan Wilayah Persekutuan (Permas), Tan Joe Hann berkata, kawasan yang terlibat ialah Rumah Panjang Jinjang Utara dan Kampung Chubadak di Sentul. Katanya, penduduk di kawasan yang terlibat bimbang 'ketiadaan' penempatan mereka itu akan menafikan hak mereka yang sudah lama menetap di kawasan tersebut. "Mereka yang terlibat adalah penduduk asal yang telah menetap di kawasan itu sebelum pembangunan pesat dijalankan di seluruh Kuala Lumpur. "Kebanyakan mereka ini terdiri daripada peneroka bandar, penghuni rumah panjang dan penghuni rumah kos rendah yang terdiri dari golongan berpendapatan rendah," katanya ketika mewakili penduduk kawasan berkenaan semasa sesi bantahan KLCP 2020 di sini.

Sementara itu, seorang penduduk Kampung Chubadak, **Siti Solehah Khusaini**, 45, berkata, penduduk kampung itu sepatutnya diberikan pembelaan sewajarnya, bukannya diusir keluar. Menurutnya, kampung tersebut telah diwujudkan oleh peneroka-peneroka awal Kuala Lumpur sejak tahun 1850 lagi. "Selain itu, kawasan kampung ini pernah digazetkan sebagai Tanah Rizab Melayu sebelum dibatalkan pada tahun 1930. "Kampung ini sepatutnya dikekalkan menjadi kampung tradisi kerana penghuni-penghuni kawasan ini membangunkan kampung ini dengan titik peluh mereka sendiri. "Ini kerana kawasan ini dulunya merupakan kawasan tanah lombong," katanya ketika ditemui selepas sesi bantahan itu. Beliau memberitahu, ketiadaan kawasan kampung tersebut dalam KLCP 2020 menunjukkan kewujudan kampung itu tidak diiktiraf dan membayangkan yang mereka bakal diusir keluar dari kawasan itu. "Sebab itu kami datang ke sesi bantahan ini supaya pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedar akan masalah ini dan memberikan pertimbangan sewajarnya," jelasnya.

Siti Solehah berkata, setelah membentangkan hujah dalam sesi bantahan itu, pihaknya berharap soal keciciran itu akan mendapat perhatian daripada kerajaan. "Kami sudah tidak tahu ke mana lagi harus diajukan masalah yang membelenggu kehidupan kami selama ini," ujarnya.

Dia mendakwa, walaupun sesi bantahan itu masih belum selesai, notis untuk mengosongkan rumah telah pun dikeluarkan. Tambahnya, arahan itu amat membimbangkan penduduk kerana mereka tidak tahu ke mana akan tinggal nanti. Sekiranya ingkar, katanya, tindakan mahkamah

akan diambil oleh pihak pemaju. Dalam pada itu, wakil penduduk Rumah Panjang Jinjang Utara, **M. Arumugam**, 45, pula berkata, tindakan 'menghilangkan' kawasan perumahan mereka daripada pelan pembangunan Kuala Lumpur adalah tidak wajar. Katanya, ia seolah-olah menafikan hak penduduk yang sudah tinggal di situ sejak sekian lama. "Kami amat kecewa dengan tindakan ini kerana sebelum ini, kami dipindahkan ke kawasan itu. Sepatutnya, kami diberikan penempatan lain atau rumah kos rendah. "Tetapi setelah 17 tahun menetap di sini, masih tiada tindakan yang dilakukan untuk membantu kami," jelasnya.

Rumah yang didiami sekarang juga sudah tidak sesuai untuk diduduki kerana ia dibina menggunakan kepingan asbestos yang boleh membahayakan kesihatan. "Justeru itu, kami berharap agar nasib kami tidak abaikan dan dipinggirkan. KLCP 2020 seharusnya dinikmati oleh semua golongan masyarakat dan bukan untuk golongan tertentu sahaja," ujarinya.

Sementara itu, jurucakap panel mendengar bantahan itu berkata, keseluruhan peta kawasan tersebut akan dikeluarkan dalam jilid yang akan datang. Jelasnya, ia tidak bermakna kawasan perumahan terbabit dihilangkan dari KLCP 2020.